| | | | |
|---|---|---|---|
| | **UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**<br>**MINIT MESYUARAT SENAT**<br>**KALI KE-303**<br>**BIL 3/2022** | **TARIKH** | *29 Mei 2022* |
| | | **MASA** | *10.00 pagi* |
| | | **TEMPAT** | *WEBEX* |

**HADIR**

**PENGERUSI**

Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah - Pengerusi
Naib Canselor

**TIMBALAN NAIB CANSELOR**

Prof. Dr. Shahimi bin Mohtar
(Akademik dan Antarabangsa)

**PENOLONG NAIB CANSELOR**

Prof . Madya Dr. Mazni Omar
UUM College of Arts and Sciences
Pengarah Bahagian Perancangan Korporat

Prof. Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan
UUM College of Law, Government and International Studies
Pengarah Pejabat Pengurusan Risiko

**DEKAN**

**UUM College of Arts and Sciences**

Prof. Madya Dr. Md. Zawawi bin Abu Bakar
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial

Prof. Dr. Shukri bin Ahmad
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

Prof. Madya Dr. Norsiah binti Abdul Hamid
Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi

Prof. Madya Dr. Mohd Kamal bin Mohd Nawawi
Pusat Pengajian Sains Kuantitatif

Prof. Madya Ts. Dr. Azham bin Hussain
Pusat Pengajian Pengkomputeran

Dr. Ahmad Hisham bin Zainal Abidin
Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan

Prof. Dr Yahya Don
Pusat Pengajian Pendidikan

d) Jawatankuasa Kebajikan yang disebut di dalam perlembagaan perlu dihidupkan semula bagi membincangkan perkara ini. **TNC HEPA**

**9. Muka Surat 128, Minit 2.6 - Permohonan Untuk Perakuan Akreditasi Sementara Bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Halal Dengan Kepujian – UUM/PA Bil. 12 Oleh Swaakreditasi, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)**

Senat bersetuju supaya kertas kerja perakuan akreditasi sementara bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Halal dengan Kepujian ini dibawa semula ke Senat dengan mengambil kira pandangan di perkara di bawah:

a) Kertas kerja ini perlu menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Pusat Pengajian terhadap teguran ketidakpatuhan oleh pihak auditor.

   i) Laporan adalah seperti di perkara 1.2.8 **IPQ/IBS**

b) Keperluan untuk mewujudkan jawatan *Instruction Designer* dengan kadar segera bagi menyokong pembangunan bahan untuk *online learning* ini dan ditempatkan di UTLC. UTLC perlu mengemukakan job description (JD) yang terperinci kepada Pendaftar untuk tindakan selanjutnya.

   i) Kertas cadangan permohonan perjawatan Pegawai Pereka/*Learning Designer* dengan *Assistant Learning Designer* telah dikemukakan oleh pihak UTLC kepada Naib Canselor pada 12 Mei 2022. **PENDAFTAR**

c) Bahawa Pusat Pengajian perlu memaklumkan kepada senat mengenai program ini yang akan ditawarkan secara mod 3u1i yang merupakan mod yang berbeza daripada kebiasaan.

   i) Pembentangan mengenai program 3U1i adalah seperti slide yang di lampiran.

   ii) Tentang pandangan mesyuarat seperti berikut:

      i. Berdasarkan kajian yang dibentangkan, nama program yang khusus kepada islam dan juga terlalu fokus, sedikit sebanyak mempengaruhi graduan dalam mendapatkan pekerjaan.

      ii. Bahawa Mesyuarat Saringan (MSA) KPT pada tahun 2018 telah meluluskan penawaran program ini dan program ini perlu ditawarkan kepada pelajar dalam dua (2) tahun selepas diluluskan. Walaubagaimanapun kelulusan yang diberikan telah tamat dan program ini masih belum berjaya ditawarkan kepada pelajar. KPT menetapkan kertas kerja ini perlu dibentangkan semula ke Mesyuarat MSA.

      iii. Syarat masuk yang memerlukan kemahiran Bahasa Arab.

iii) Mesyuarat bersetuju:

a) menerima laporan yang dibentangkan dengan mengambilkira perkara di bawah:

1. Melihat semula keperluan penawaran program ini dan penglibatan industri dalam menjayakan program ini.

2. Tidak menyatakan Bahasa Arab sebagai syarat masuk ke program. **IBS**

3. tindakan seterusnya adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Saringan oleh pihak KPT.

**10. Muka Surat 136, Minit 2.9 - Cadangan Pelantikan Semula Yang Berbahagia Tan Sri Rafidah Aziz Sebagai Profesor Adjung Othman Yeop Abdullah Oleh Graduate School Of Business (OYAGSB)**

Senat bersetuju menangguhkan cadangan pelantikan semula Yang Berbahagia Tan Sri Rafidah Aziz sebagai Profesor Adjung OYAGSB sehingga JD Profesor Adjung dilihat semula dan ditambahbaik, dibentangkan semula di dalam Senat dan JD baharu ini akan dibawa kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rafidah Aziz untuk persetujuan sebelum pelantikan semula dibuat.

Mesyuarat mengambil maklum

i) bidang tugas Profesor dan Felo Adjung yang telah ditambahbaik adalah seperti di lampiran.

ii) tentang pandangan bahawa terdapat profesor UUM yang dilantik oleh universiti swasta yang mempunyai bidang tugas yang lebih komprehensif yang merangkumi aktiviti sumbangan dalam aspek penyelidikan, perundingan dan pengajaran.

iii) keperluan untuk melihat falsafah dan polisi kewujudan Profesor dan Felo Adjung UUM.

iv) dan bersetuju untuk melihat bidang tugas Profesor Adjung yang dilantik oleh Universiti swasta dan membuat cadangan penambahbaikan sekiranya perlu. **HEA**

**11. Muka Surat 155, Minit 2.16 - Cadangan Kalendar Akademik Program Pascasiswazah Sesi 2022/2023**

Mesyuarat bersetuju:

a) minggu add drop untuk pelajar sarjana muda perlu diadakan bukan dalam tempoh minggu pengajian. Perkara ini akan dilihat semula oleh pihak HEA.

i) dalam tindakan untuk dilaksanakan bagi kemasukan Semester Pertama Sesi 2022/2023 (A221) **HEA**